

Wanita antara 4 nama dicadang calon BN di Indera 'Kayangan ,

UM 23 DEC

2001

KANGAR 22 Dis.

— Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, MCA telah mengemukakan empat nama termasuk seorang wanita untuk dipilih sebagai calon BN bagi pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan.

Beliau berkata, kesemua nama yang dikemukakan itu adalah pemimpin yang berwibawa dan mampu membawa kemenangan kepada BN.

Sehubungan itu Shahidan memberi jaminan calon BN pada pilihan raya kecil tersebut dapat diterima oleh semua peringkat kepimpinan BN serta masyarakat .

Senarai nama itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN untuk pertimbangan, katanya kepada pemberita selepas bertemu para pemimpin MCA negeri di sini malam tadi.

Mingguan difahamkan empat nama yang disebut-sebutkan bakal calon BN ialah Ketua Wanita MCA Perlis, Ooi Ah Lan; Setiausaha MCA Perlis, Tan Kbok Keng; Naib Pengerusi MCA Bahagian Kangar, Steven Lim dan Ahli Jawatankuasa MCA Bahagian Kangar, Chng Ban Fan.

Mengenai calon dari parti pembangkang pula, Shahidan berkata, BN Perlis tidak gerun berhadapan dengan sesiapa sahaja sama ada ia daripada Pas atau Parti Keadilan Nasional.

Ini kerana jelasnya, pengundi di Indera Kayangan sudah matang dan bijak memilih pemimpin yang terbaik demi masa depan negara, bangsa dan agama.

Apa yang turut membanggakan, tambahnya, peratus pengundi Melayu di kawasan itu yang menyokong BN semakin meningkat.

“Rekod cemerlang yang ditunjukkan oleh kepimpinan kerajaan BN selama ini turut menarik sokongan pengundi bukan Melayu,” katanya.